

Method Pengajaran Tafsir: Kitab Hidayatul Mutaalim Bagi Syeikh Haji Ahmad Bin Haji Yusof Al-Fatoni

**Abdulloh Salaeh
Mohd Zohdi Mohd Amin,
Amran Abdul Halim,
Ahmad Kamel Mohamed,
Nidzamuddin Bin Zakaria,
Mohd Fauzi Mohd Amin,
Syed Najihuddin Syed Hassan,
Kabiru Goje.**
Universiti Sains Islam Malaysia
abdulloh@usim.edu.my

ABSTRAK

Pentafsiran Al-Quran telah dilakukan oleh ulama-ulama terdahulu di Nusantara sehingga mereka menterjemahkan bahasa Arab ke bahasa Melayu, khususnya di Pattani mereka juga mengajar tafsir kepada masyarakat setempat sehingga berkembang pada hari ini. Tujuan kajian ini adalah untuk mengkaji biografi tokoh dan membincangkan tentang metodologi pentafsiran dalam kitab Hidayatul Mutaalim. Method yang digunakan adalah analisis dokumen dan temu bual. Hasil kajian ini, mendapati bahawa kitab ini mengandungi ayat-ayat al-Quran yang berkaitan dengan kelebihan ilmu belajar dan mengajar, dan kisah-kisah yang berkaitan dengannya. Kajian ini juga mendapati pengarang merujuk kepada tafsir dalam menjelaskan ayat yang hendak ditafsir dan ayat-ayat lain dalam al-Quran yang mempunyai topik yang sama.

Kata kunci: Haji Syeikh Ahmad bin Yusof, Hidayatul Mutaalim, Manhaj pentafsiran.

PENDAHULUAN

Pattani pada abad yang lalu dikatakan bumi yang paling subur bagi pertumbuhan insan yang bergelaran ulama' (Hamdan Abd.Rahman.2018), maka ulama itulah sebagai tempat rujukan masyarakat bukan setakat ilmu sahaja bahkan mereka- mereka sebagai tempat meyelesai masalah dan sebagai pengrawat orang sakit dengan sebab mereka yang paling taqarap kepada Allah s.w.t sampai doa-doa di makbul oleh ilahi. Bukan setakat itu bahkan di pattani juga sampai kini ulama masih ada. Mereka menyebarkan agama Allah S.W.T berbagai- bagai cara yang menyebarkan dengan mengajar dan penulisan kitab supaya menjadi anak cucu dapat di analisis belajar menjadi orang bertamadun masa hadapan. Pernah ada pada masa dahulu salah

seorang ulama' yang bernama al-Syeikh Faqih Ali al-Fatani dititahkan oleh Raja menulis buku Tarikh Fathani (Hamdan Abd.Rahman.2018).

Pada masa kini pun ada beberapa lagi yang masih mengarang kitab-kitab yang tertentu seperti tuan guru Haji Ismail karyanya nama "*Mizan Al-Zarari* ", *Al -Durratul Al-Saniyyah*, dan tuan guru Rusdi Haji Rashidi Abdul Rahman Kitabnya *Sejarah Hidup Syeikh Abdullah Sarah Al-Jarumi*(2014). dan termasuk pengarang yang penulis akan becara dalam Kajian kerja ini ialah Haji Ahmad Bin Haji Yusof kitabnya yang berjudul *Hidayatul*

1.2. SEJARAH HIDUP SYEIKH AHMAD AL-FATHANI

Syeikh Ahmad al-Fathani yang lebih dikenali dengan Tuan Guru Haji Ahmad Mukmawi atau Baba Mad Tok Nahu telah dilahirkan pada tahun 1957M di Kampung Mukmawi, daerah Yakrang di wilayah Pattani. Nama penuh beliau ialah Ahmad bin Haji Yusuf bin Abdul Latif Mukmawi al-Fathani. Beliau merupakan anak ketiga di kalangan adik beradik. Beliau berkawin ketika berumur 26 tahun dan isterinya bernama Ruqaiyah binti Muhamad yang berumur 16 tahun. Hasil daripada perkahwinan tersebut.

1.3. KELUAGANYA

Beliau di anugerahkan tujuh orang anak yang terdiri daripada dua orang lelaki dan lima orang perempuan, sebagaimana dibawah ini:

1. Fatimah binti Ahmad
2. Zabidi bin Ahmad (telah meninggal dunia)
3. Aini binti Ahmad
4. Fakrurazi bin Ahmad (telah meninggal dunia)
5. Nadiayah binti Ahmad
6. Faridah binti Ahmad
7. Suhaila binti Ahmad (Ustaz Osman Pondok Posan, 2018).

1.4. MENANTUNYA

Beliau mempunyai seorang menantu yang bernama Abdul Rahman Bangkok, Beliau adalah salah seirang dari murid tuan guru Haji Ahmad. (Ustaz Osman Pasan, 2019).

2. LATAR BELAKANG PENDIDIKAN

Berkata oleh Tuan Guru Haji Haji Ahmad, beliau mendapat pendidikan awalnya di Sekolah Rendah Kebangsaan Siam (โรงเรียนชั้นประถม). di kampung yang lahir beliau sendiri, dan

ayah beliau sendiri mendidikan agama oleh kerana ayahda menjadi seorang ulama pada masa itu. Seterusnya beliau telah memperuntukkan masa selama 15 tahun untuk menamatkan pelajarannya di pondok. Beliau pernah berguru dengan Tuan Guru Abdul Rahman bin Abdullah, Almarhum Tuan Guru Haji Abdul Rahman Pondok Tebing Tinggi, Almarhum Tuan Guru Haji Idris tokjung dan ramai lagi. Beliau salah seorang daripada murid yang cemerlang dan bijak dikenali oleh rakan-rakannya. Bahkan amat disayangi oleh para gurunya pada masa itu sehinggalah mendapat gelaran 'Tok Nahu' *توء النحو* sebagai nisbah kepada kefahaman dan keilmuan beliau. (Syeikh Haji Ahmad bin Yusuf, 2015).

KARYA-KARYA PENULISAN :

Selain daripada mengajar, beliau juga turut menghasilkan dua buah kitab jawi, iaitu:

1. *Hidayatul Mutaalim*.
2. *Taudihu al Aqaid fi Ilmi Tauhid*.

LATAR BELAKANG KITAB

Hidayatul Mutaalim yaitu satu Kitab dituliskan dengan Huruf Jawi yang di hasilkan pada abad yang ke 21M ini merupakan salah sebuah daripada karya-karya Tokoh Ulama Melayu yang dihasilkan di Pattani umunya dan di kampung Mukmawi, Selatan Thailand khususnya. Ia merupakan salah satu daripada karya yang ditulis oleh Tuan Guru Haji Ahmad bin Yusuf dalam bidang agama tentang adab pengajar dan pembelajaran. Judul lengkap bagi kitab ini ialah *Hidayah al-Muta'allim wa 'Umdah al-Mu'allim*. Perbincangan dalam kitab ini hanya memfokuskan kepada cara-cara menuntut ilmu dan kelebihannya. Ayat-ayat Quran dan Hadith yang berkenaan telah dikumpulkan dan dipetik daripada beberapa rujukan kitab-kitab ulama yang masyhur serta di terangkan pahaman dan pendapat beliau sedikit dalam kitab ini.

Berdasarkan penulisan beliau pada bahagian akhir penulisannya, kitab ini mula ditulis pada 10 Muharran tahun 1431 Hijrah dan telah diselesaikan penulisannya pada hari Isnin bertarikh 19 Jamadil Awal tahun 1431 Hijrah pada pukul 2.00 petang di waktu Zohor. Kitab ini telah berjaya disempurnakan penulisannya walaupun pada ketika itu beliau amat sibuk dengan perkerija-perkerija yang lain (Ahmad bin Yusuf, 2014, h170).


Kitab ini telah dicetak oleh syarikat percetakan Matbaah bin Halabi- Fathani yang bertempat di Fatani, yang berhapiran dengan rumah tuan Guru Haji Ahmad bin Yusuf kira-kira dalam 20 KM, namun tiada sebarang maklumat mengenai tahun cetaknya pada tahun 2015M. Ia adalah setebal 183 halaman dan berukuran 26.2 cm × 18.4 cm.



a. PENTASHIH KITAB.

Kitab ini telah di tashih oleh beberapa ulama besar di Pattani sebagaimana nama di bawah ini;-

1. Tuan guru Haji Abdullah sarah pondok bedam badang (guru kepada tuan guru Haji Ahmad bin yusuf).
2. Tuan Guru Haji Ahmad (masyhur dengan baba Mad Pondok Mokmawi Pttani).
3. Tuan Guru Haji Ahmad bin Abdulrahman aamanu (Pondok tasik di yala).
4. Tuan Guru Haji Zakariya Bin Ahmad (Pondok Posan - Pattani).
5. Tuan Guru Haji Abdulaziz (Pondok Padang Pusu).
6. Tuan Guru Haji Abdulrahman (Pondok Nipis Kulit Pattani).
7. Tuan Guru Haji Abdulwahab (Pondok Cili).



Gambar 3: Khatimah bagi Kitab *Hidayatul Mutaa'lim*

Gambar 4: Contoh Ulama yang mentashih bagi Kitab *Hidayatul Mutaa'lim*


3. PENYUSUNAN KITAB

Kitab *Hidayatul Mutaa'lim* ini akan dibincangkan berdasarkan empat bahagian utama iaitu bahagian pendahuluan, bahagian isi, bahagian penutup, bahagian tashih serta kata-kata aluan oleh para ulama yang pakar di Pattani.

CONTOH ISI KANDDUNGAN

BIL	TAJUK	MUKA SURAT
1.	Peringatan	1
2.	Ketebah kitab dan kelebihan mereka yang membaca bismila ketika hendak jimak.	5
3.	Awal-awal mereka yang menyurat ia dengan qalam dan kelebihanannya.	5
4.	Nama orang yang mengarang kitab ini dan masa mula dimula mengarang	7
5.	Farak diantara risalah dan muktasar dan kitab pada kata nakal...	8
6.	Berkata khadi abu tayib	10
7.	Nasihat wahai saudara-saudara aku handaklah kamu bersungguh.	11

8.	Berkata setengah ulama أعرف الرجل بالحق الخ.	11
9.	Jangaanlah berkata mengaji ilmu usulluddin tida faidah	12
10.	Fasa pada menyatakan kelebihan ilmu dan ulama dan orang yang menututi ilmu...	15
11.	Hadis diakhir zaman manusia lari daripada ulama	22
12.	Yang pasik dan menututi ilmu kerana dunia	24
13.	Murad dengan ulama itu ulama I'sud	25
14.	Kelebihan ulama dan orang yang menututi ilmu dan lain	36




Gambar 5: Contoh isi kandungan kitab

4. CONTOH METHOD PENTAFSIR DALAM KITAB HIDAYATUL MUTAA'LIM

CONTOH METHOD PENTAFSIR 1

Tajuk: kelebihan menyurat dengan qalam



MAKSUD DAN HURAIAN 1.

Pada ayat ini Tuan Guru metafsirkan Yang bermaksud:

Ayat Itu menjagakan diatas kelebihan menyurat dengan qalam kerana barang yang ada ia pada menyurat itu daripada beberapa munafaat yang amat besar kerana bahawasa dengan menyuratlah dan jadi terdhabit segala ilmu dan diketahui akan perkerjaan yang ngaib-ngaib dan akbar orang-orang yang dahulu dan ahwal mereka itu dan sejarah mereka itu dan perkataan-perkataan dan jikalau tiada ada suratan nascaya tidak jadilah betul perkerejaan agama dan dunia dan tiada dapat di ketahui segala hokum Allah dan kitab Allah melaikan dengan menyurat dan pada Allah ta'la luh dan qalam yang menyurat ia padanya akan kehidupan orang-orang miskin dan perhiyasan orang-orang kaya. (Ahmad bin Yusup. 2014, h 5)

Telah menukulkan Haji Ahmad bin Yusuf dari Iman Qurtubi bahawa menyurat dengan qalam itu ada tiga bagai yaitu:

- 1-Allah S.W.T memerintah akan qalam menyurat ia pada luhmahfuz
- 2-Qalam Malaikat yang menyurat ia segala perkara yang di takdir pada luhmahfuz
- 3-Qalam bagi manusia yang menyurat mereka itu akan kalam mereka dan mencapailah mereka itu dengan qalam akan segala hajatnya. (Ahmad bin Yusup.2014,h 6)

Kesimpulan huraian di atas medapat bahawa Tuan Guru Haji Ahmad menggunakan metodologi yang merujukan kepada tafsir-tafsir yang maksur serta mentaklikkan pendapat beliau sendiri, medatangkan juga kisah- kisah yang berkaitan dengan tajuk seperti kisah nabi idris yang awal-awal yang munulis dengan qalam.dan juga mendatangkan ilmu lungah untuk menjelaskan huraian-huraian ayat- ayat.

CONTOH METHOD PENTAFSIR 2

Tajuk: Kelebihan dan Kemelian Nabi Adam alaihisalam

وَعَلَّمَ آدَمَ الْأَسْمَاءَ كُلَّهَا

Surah al baqarah ayat 31, (Muka surat 6)

MAKSUD DAN HURAIAN 2.


Ayat ini bermaksud : mengajar Allah ta'la akan nabi adam akan segala nama sekelian yang mempunyai nama samaada ia jauhar-jauhar yakni jirim-jirim atau arad- arad atau ma'ni atau maknawiyah dan sama ada ia melia atau likih hingga

peruk nasi besar dan kecil dan pisau besar dan kecil dan pencibuk air di ajar juga kepada nabi adam dengan bahawa di jampa dalam hati nabi adam.

Dapat disimpulkan dari huraian diaatas bahawa Allah mengajar nabi adam segala-gala nama-nama di dalam makluk ini tiada kecewali sehingga pisau dan pencibuk air pun ajar juga. Metologi yang di guna pada ayat diatas bahawa Haji Ahmad merujukan kepada seorang mupasir sahaja dan mengeluarkan pendapatnya sendiri. dan pada ayat ini Allah S.W.T hendak memulia kepada Nabi Adam dan kelebihanannya, (Jabir bin Musa bin Abdulqadir, 2003. h 41), lagi pula Allah hendak menzahirkan kekuasaannya.

4.4. CONTOH METHOD PENTAFSIR 3

Tajuk: Kelebihan ilmu dan kemelian



MAKSUD DAN HURAIAN 3.

Handaklah kata olehmu wahai muhamad didalam doa mu- hai tuhanku tambahkanlah akan daku akan ilmu kerana bahawa Allah ta'la memberi ia akan nabi muhamad S.W.A akan tiap-tiap ilmu walhal tiada menyuruh Allah ta'la akan nabi S.W.A dengan menututi selain daripada ilmu, dan bertanya sahabah akan nabi S.W.A

(أَيُّ الْأَعْمَالِ أَفْضَلُ)

Ertinya: yang manakah daripada sekalian amalan itu terlebih Afdhal, maka menjawab nabi S.W.A dengan sebedanya (العلم بالله) Ertinya mengtahui dengan Allah (Al Manawi, 1988 , h 364), kerana bahawa sedikit amalan itu ialah memberi munafaatlah ia sereta ilmu dan bahawasa banyak amalan itu ialah tiada memberi munafaatlah ia serta jahil, maka ketahui bahawasa diri ilmu ialah terlebih melia daripada ibadah lagi, takdapat tiada bagi hamba itu daripada ibadah sereta berilmu.

Apabila dilihat ayat di atas bahawa terdapat mengenai tetang kelebihan berilmu, sekiranya kalau beribadah tanpa berilmu maka tiada sempurna kerana Allah S.W.A tiada terima amalan seseorang hamba tanpa berilmu buat dengan jahil-jahil.

CONTOH METHOD PENTAFSIR 4

Tajuk: kelebihan Alim Ulama

{ إِنَّمَا يَخْشَى اللَّهَ مِنْ عِبَادِهِ الْعُلَمَاءُ }

Surah fatir ayat 28, (Muka surat 17-18)

MAKSUD DAN HURAIAN 3.

Hanya sanya takutkanlah aka Allah S.W.A daripada segala hambanya itu oleh ulama.

Berkata Syeikh Ubad dalam syarah Hikam mentafsir ayat ini “ maka nyatalah bahawa takut itu melazim ia akan ilmu dan difaham daripada ini bahawa ulama hanya sesungguhnya mereka itulah daripada ahli takut”.

Berkata Syeikh Ahmad Sawi dalam tafsirnya: “ bahawa takutkan Allah Taa’la itu dan bermula syaratnya ialah mengetahui dan mengenalkan Allah S.W.A maka barang siapa bersangkatanlah mengenalnya bagi Allah S.W.A nescaya adalah ia terlebih takut mereka itu bagi Allah (Juz 3, h385) kerana inilah datang warid hadis, bersabda nabi saw: aku adalah orang yang terlebih gerun dan takut daripada kamu bagi Allah S.W.A (Ahmad bin Muhamad 1323h, Juz1 h167).

Apakah yang di maksud takut didalam ayat di atas sebagaimana yang ditafsir oleh Sulaiman bin Muhamad Al-Bajrimi “ tiada yang takut kepada Allah S.W.A takut yang sempurna melainkan ulama ” (1996, juz1, h65).

Apabila lihat kepada Surah fatir ayat 28 diatas terdapat bahawa ulama yang mewrisi pesaka rusul-rasul dan anbiyat, mereka itulah yang menjadi lampu atau pelita sebagai menerang kepada orang-orang yang jahil, lagi pula merekalah yang paling taat dan setakut-takut disisi Allah S.W.A, kerana mereka yang sangat-sangat mengenal tabarakawata’la.

5. KESIMPULAN

Hasil dari kajian ini penulis dapat disimpulkan bahawa Kitab *Kitab Hidayatul Mutaa’lim* ini merupakan hasil karangan yang di tulis oleh Haji Ahmad Mukmawi Kubang Salam yang mempunyai keistimewaan yang tersendiri.

Penggunaan bahasa dalam kitab ini adalah mudah difahami oleh awam yang ingin memahami ilmu dalam kitab ini. Syeikh Ahmad telah memberikan pentafsiran, penerangan dan huraian di dalam nota kaki pada halaman yang tertentu sekiranya sesuatu perkara itu perlu dijelaskan.

Pada penulisan ini juga pengkaji mendatangkan beberapa contoh metodogi pentafsiran dalam pengajaran dan penulisan dalam kitab *Hidayatul Mutaa’lim* , terdapat bahawa Haji Ahmad Mukmawi salah seorang yang ada keistimiwaan sendiri dalam penulisan beliau, menggunakan syarahan ayat-ayat memetik kata-kata al mupasirin atau ahli tafsir dan menguatkan tafsiran

dengan hujah ayat-ayat lain dan hadis-hadis Nabi selepas itu beliau baru mengeluarkan pendapat dan tarjih diatas maksud ayat-ayat itu. Penghasilan kitab ini telah memberi banyak manfaat kepada masyarakat Melayu khususnya di Pattani dan juga umat Islam di Nusantara umumnya.

RUJUKAN

Ahmad bin Muhamad 1323h, Irsyad Al – Sari Lisyarhi Sahih Al Bukhari, Al Matbaah Al Kubra Alamiriah, Mesir.

Haji Ahmad bin Yusuf. t.t, *Kitab Hidayatul Mutaalim* , Pattani: Matba'ah bin Halabi Fatani.

Hamdan Abd.Rahman.2018. Penggunaan bahasa Melayu dalam naskhah Melayu Patani, dewan bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur.

Jabir bin Musa bin Abdulqadir, 2003. Isir Al Tafasir Likalam Al Ali Al Karim, Makatabah Al Ulum Walhakam, Makah.

Rashidi Abdul Rahman 2014, Sejarah Hidup Syeikh Abdullah Sarah Al-Jarumi, Halabi-Fattani.

Sulaiman bin Muhamad Al-Bajrimi 1996, Tahfatul al habib ala syarhi al khatib, darul Al Kutub Al Ilmiah, Beirut.

Temu bual bersama Ustaz Osman Pasan di Pondok posan, pada 3 Ogos 2019 pada jam 6.35-7.45 petang).

Temu bual dengan Syeikh Haji Ahmad bin Yusuf di Pondok Kubang Salam Mukmawi, hari Khamis 20/2/2015, jam 5:00-6:00 petang.

Temubual melalui telefon dengan Ustaz Osman Pondok Posan, hari Khamis 28/6/2018, jam 3:40 petang.

Zainuddin Abdulrauf Al Manawi, 1988, Al Taisir Bisyarhi Al Jamik Al Sangir, Makatabah Imam Al Syafii, Riyad